

Bayi koma disyaki didera

S/Harian
5/7/2015
m/s 2

Imbasan pada bahagian kepala mengesahkan mangsa mengalami pendarahan otak

■ NURUL FATIHAH SULAINI

ALOR SETAR - Seorang bayi berusia empat bulan disyaki didera pengasuh sebuah pusat jagaan kanak-kanak di Sungai Petani masih lagi koma dan bergantung sepenuhnya kepada alat bantuan pernafasan.

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, bayi yang dikenali sebagai Putri itu dimasukkan ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani pada Rabu lalu setelah didapati mengalami sawan.

“Setelah pemeriksaan dan ujian dijalankan mendapati bayi itu mengalami pendarahan pada kedua-dua belah mata (bahagian retina) dan imbasan pada bahagian kepala mengesahkan mangsa mengalami pendarahan otak kemungkinan disebabkan gegaran kepada otak.

“Bayi itu kemudiannya dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar untuk rawatan lanjut pada hari sama. Ujian makmal lainnya adalah normal dan imbasan X-ray tulang tidak menunjukkan tanda kecederaan pada tulang keseluruhan tubuh badan,” katanya.

Norhizan berkata, disebabkan bayi mengalami pendarahan pada mata dan otak, pihak hospital mengesyorkan bapa bayi membuat laporan



Mohd Saifudin menunjukkan gambar Putri yang menerima rawatan di hospital.

polis.

“Bayi itu kini dirawat di wad rawatan rapi kanak-kanak dengan bantuan pernafasan di bawah penjagaan pakar perunding kanak-kanak. Secara keseluruhan keadaan bayi masih di tahap kritikal dan dalam penjagaan rapi pakar,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah, Asisten Komisioner Mohd Nashir Ya berkata, mereka menerima laporan daripada bapa mangsa pada 2 Julai lalu kira-kira jam 6.04 petang di Balai Polis

Sungai Petani yang mendakwa anak perempuannya mengalami sawan tarik.

Menurutnya, mangsa dihantar ke hospital oleh bapanya sendiri.

“Bapa mangsa mendakwa anaknya mengalami kecederaan di bahagian mata dan kepala serta mengesyaki anaknya didera.

“Siasatan awal mendapati, bayi itu baru tiga hari dihantar ke pusat jagaan kanak-kanak terbabit. Dia juga mendakwa pada pagi Rabu lalu semasa dihantar ke pusat jagaan, mangsa berada

dalam keadaan baik,” katanya.

Mohd Nashir berkata, berdasarkan siasatan lanjut pusat jagaan kanak-kanak terbabit beroperasi sejak tiga tahun lalu dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sebelum ini, bapa mangsa, Mohd Saifudin Seman, 26, yang juga seorang anggota tentera berkata, sejak lahir anaknya dijaga oleh isterinya, Wan Norshafiyah Wan Zain, 25, sebelum mereka mengambil keputusan untuk menghantar anak ke pusat jagaan pada Ahad lalu.

Mohd Saifudin berkata, keputusan itu diambil setelah menerima cadangan daripada rakan dan kebetulan pula pusat itu berhampiran dengan rumah kerana isterinya masih belajar di Kolej Universiti Insaniah serta perlu menjalani latihan praktikal.

Katanya, pada awalnya mereka tidak mengesyaki apa-apa walaupun anak mula menunjukkan perubahan pada hari pertama menghantarnya kerana Putri menjadi tidak aktif.

Menurutnya, disebabkan tidak berpuas hati dengan keadaan kesihatan anaknya dia tampil membuat laporan polis, tambahan pula pemilik pusat jagaan itu juga tidak mengaku mendera Putri selain langsung tidak meminta maaf.